



Laporan Ketua Audit Negara

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI TERENGGANU

TAHUN 2010



DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5


Persiaran Perdana, Presint 2

62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI TERENGGANU



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2010

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	9
Pelaburan	10
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	19
Akaun Amanah Disatukan	19
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	29
Penyata Akaun Memorandum	30
Rumusan Dan Syor Audit	36
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-9	39
Rumusan	40
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Latar Belakang	43
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	43

PERKARA	MUKA SURAT
----------------	-------------------

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	44
Objektif Pengauditan	45
Skop Dan Kaedah Pengauditan	45
Kawalan Utama	45
Penemuan Audit	56
Syor Audit	59
Pemeriksaan Audit Mengejut	60
Pendahuluan	60
Penemuan Audit	60
 BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	65
Pengauditan Penyata Kewangan	65
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	65
Pengesahan Penyata Kewangan	66
Pembentangan Penyata Kewangan	67
Prestasi Kewangan	67
Rumusan Dan Syor Audit	70
 BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	75
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	75
 PENUTUP	 79
 LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	83
II Lembaran Imbangan	84
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	85
IV Penyata Akaun Memorandum	86
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	87
VI Nota Kepada Akaun Awam	88



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Jabatan Audit Negara juga telah membuat analisis terhadap penyata kewangan sama ada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan. Indeks Akauntabiliti diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, **“budaya membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul”** bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2010 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2010. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2010, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pusat Tanggungjawab yang dipilih.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2010 mengandungi perkara berikut:

- Bahagian I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010
- Bahagian II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- Bahagian III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- Bahagian IV** - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri
- Bahagian V** - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri
- Bahagian VI** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan akauntabiliti serta integriti dalam pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mengamalkan 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a. **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan/Agenzi perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan penjawat awam menjalankan tugas mereka. Penjawat awam perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b. **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak bersikap sambil lewa.
- c. **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d. **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e. **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai di Jabatan/Agensi Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

6 Jun 2011



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2010 bertambah baik di mana Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus sejumlah RM202.73 juta berbanding defisit pada tahun 2009. Dengan surplus ini menjadikan baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun kepada RM496.28 juta berbanding RM699.01 juta pada tahun 2009. Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sejumlah RM34.13 juta atau 10.4% menjadi RM293.88 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun Penyata Akaun Memorandum menunjukkan Aset Kerajaan lebih rendah berbanding tanggungan. Aset Kerajaan yang terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tuggakan Hasil berjumlah RM417.95 juta manakala Tanggungan Kerajaan yang terdiri daripada Hutang Awam berjumlah RM1,032.73 juta. Tuggakan Hasil telah meningkat sebanyak 21.5% atau RM2.15 juta kepada RM12.17 juta berbanding RM10.02 juta pada tahun 2009. Kerajaan Negeri perlu merancang perbelanjaan dengan cekap dan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan Negeri tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Selain itu, tindakan berterusan perlu diambil untuk mengutip tuggakan hasil dan tuggakan bayaran balik pinjaman kepada Agensi Negeri.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Prestasi pencapaian pelaksanaan projek di bawah RMKe-9 adalah baik di mana sebanyak 2,688 projek atau 95.6% daripada 2,811 projek yang dirancang telah dapat disiapkan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 sehingga tahun 2010 adalah 76.3% atau RM4,013.45 juta daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM5,260.53 juta.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara Cawangan Terengganu telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 18 Jabatan/Agensi Negeri. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 2 Agensi iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu mengekalkan tahap sangat baik sebagaimana tahun 2009. Manakala 16 Jabatan/Agensi

Negeri lagi mencapai tahap baik. Analisis Audit mendapati masih berlaku ketidakpatuhan kepada prosedur/tatacara pengurusan kewangan yang ditetapkan terutama berkaitan pengurusan aset dan stor. Perkara ini boleh diatasi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit di samping mengambil tindakan *preventive* dan proaktif bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2010, prestasi penyerahan penyata kewangan dan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik. Kesemua 16 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan telah diberikan Sijil Tanpa Teguran. Analisis Audit mendapati 8 daripada 9 Badan Berkanun Negeri dan 5 daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatatkan lebihan pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Bagaimanapun, tunggakan Cukai Taksiran bagi 4 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 13 Disember 2010. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu telah bersidang sebanyak 6 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri tahun 2007 dan 2008.



**BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBWER 2010**

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.
- 1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Februari 2011**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2010 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.
- 1.3. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
- 1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2010. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, perbelanjaan modal dan bayaran balik pinjaman.
- 1.5. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tuggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Awam iaitu Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan Negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Pembangunan Dalam Negeri.

2. OBJEKTIF DAN KADEAH PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2010. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Terengganu dan Jabatan/Pejabat Negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2010 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun Awam adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VI**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat kewangan lain yang berkaitan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 mengenai Persempahan Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM73.66 juta berbanding RM240.45 juta pada tahun 2009. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(699.01)	(496.28)	202.73	29.0
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	939.46	569.94	(369.52)	(39.3)
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	<i>- Kumpulan Wang Pembangunan</i>	59.16	(437.12)	(496.28)	(838.8)
	<i>- Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	125.11	125.32	0.21	0.2
	<i>- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	160.22	270.62	110.4	68.9
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	447.28	355.25	(92.03)	(20.6)
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	147.69	255.87	108.18	73.3
	Jumlah	240.45	73.66	(166.79)	(69.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu


4.1.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	5.97	(278.42)	(424.96)	(699.01)	(496.28)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,035.88	770.77	829.61	939.46	569.94
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: -Kumpulan Wang Pembangunan	154.12	(79.16)	28.62	59.16	(437.12)
	-Kumpulan Wang Bekalan Air	127.10	134.72	128.43	125.11	125.32
	-Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	110.64	137.52	133.34	160.22	270.62
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	583.26	500.73	450.86	447.28	355.25
	iii) Akaun Wang Deposit	60.76	76.96	88.36	147.69	255.87
	Jumlah	1,041.85	492.35	404.65	240.45	73.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.1.3. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan sejumlah RM166.79 juta atau 69.4% kepada RM73.66 juta pada tahun 2010 berbanding RM240.45 juta pada tahun 2009. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM369.52 juta atau 39.3% iaitu daripada RM939.46 juta pada tahun 2009 kepada RM569.94 juta pada tahun 2010. Penurunan Akaun Amanah Disatukan disebabkan oleh penurunan dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM496.28 juta atau 838.8% daripada RM59.16 juta pada tahun 2009 kepada defisit RM437.12 juta pada tahun 2010.

4.2. WANG TUNAI

4.2.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah Wang Tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Manakala Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan deposit dalam bank yang disimpan kurang daripada 3 bulan. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kedudukan Wang Tunai Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	240.36	73.55	(166.81)	(69.4)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.004	0.02	0.016	400.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.09	0.09	-	-
Jumlah		240.45	73.66	(166.79)	(69.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.2.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Wang Tunai sejumlah RM166.79 juta atau 69.4% menjadi RM73.66 juta pada tahun 2010 berbanding RM240.45 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan baki Wang Tunai Dalam Bank telah menurun sejumlah RM166.81 juta atau 69.4% kepada RM73.55 juta berbanding RM240.36 juta pada tahun 2009. Penurunan baki Wang Tunai Dalam Bank disebabkan penebusan simpanan tetap (bagi tempoh kurang daripada 3 bulan) sejumlah RM121 juta. Pada keseluruhannya, penurunan baki Wang Tunai pada tahun 2010 adalah disebabkan jumlah pembayaran iaitu RM2,267.66 juta adalah lebih tinggi berbanding penerimaan berjumlah RM2,100.87 juta. Ini adalah antaranya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang meningkat sebanyak 53.4% atau RM362.25 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

4.2.3. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.4**. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai bagi tahun 2006 hingga 2010 mengalami penurunan setiap tahun. Baki Wang Tunai pada tahun 2006 berjumlah RM836.35 juta telah menurun sejumlah RM762.69 juta atau 1,035.4% kepada RM73.66 juta pada tahun 2010.

Jadual 4.4
Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	829.40	397.50	398.48	240.36	73.55
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	6.88	5.27	0.09	0.004	0.02
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.07	0.08	0.08	0.09	0.09
Jumlah		836.35	402.85	398.65	240.45	73.66


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.3. PELABURAN

4.3.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah selaras dengan Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan juga peraturan lain yang berkuat kuasa. Manakala Pelaburan Am adalah merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan semua pelaburan dalam Simpanan Tetap pada tahun 2009 berjumlah RM6 juta untuk menampung perbelanjaan. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pelaburan dalam Simpanan Tetap. Trend pelaburan bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan

mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2010 dengan surplus semasa berjumlah RM202.73 juta berbanding defisit berjumlah RM274.05 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM476.78 juta atau 174%. Surplus ini berpunca daripada hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,892.95 juta melebihi perbelanjaan mengurus yang jumlah RM1,690.22 juta. Dengan surplus semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2010 menjadikan baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun kepada RM496.28 juta berbanding RM699.01 juta tahun 2009. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(424.96)	(699.01)	(274.05)	64.5
Hasil	1,511.01	1,892.95	381.94	25.3
Perbelanjaan Mengurus	1,785.06	1,690.22	(94.84)	(5.3)
Surplus/(Defisit)	(274.05)	202.73	476.78	174.0
Baki Pada 31 Disember	(699.01)	(496.28)	202.73	29.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.3. Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada 3 jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

4.4.3.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

- Pada tahun 2010, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1,892.95 juta iaitu RM11.02 juta atau 0.6% lebih tinggi berbanding dengan anggaran yang berjumlah RM1,881.93 juta seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Bil.	Kategori Hasil	Anggaran	Hasil	Varian	
		Diluluskan (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,673.38	46.87	(1,626.51)	(97.2)
2.	Hasil Bukan Cukai	102.38	107.48	5.10	5.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	106.17	1,738.60	1,632.43	1,537.6
Jumlah		1,881.93	1,892.95	11.02	0.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- Analisis Audit mendapati varian yang ketara antara jumlah anggaran dan hasil sebenar bagi Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil adalah kerana Kerajaan Negeri mengambil kira hasil Royalti Minyak dalam anggaran sebagai Hasil Cukai. Bagaimanapun, hasil sebenar yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah

dalam bentuk Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) yang dikategorikan sebagai Terimaan Bukan Hasil.

4.4.3.2. Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2010 Berbanding 2009

- a. Pada tahun 2010, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM1,892.95 juta berbanding RM1,511.01 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM381.94 juta atau 25.3%. Perbandingan hasil mengikut 3 kategori hasil pada tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	43.01	46.87	3.86	9.0
2.	Hasil Bukan Cukai	133.87	107.48	(26.39)	(19.7)
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,334.13	1,738.60	404.47	30.3
Jumlah		1,511.01	1,892.95	381.94	25.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b. Analisis Audit menunjukkan peningkatan hasil adalah disebabkan jumlah Terimaan Bukan Hasil meningkat sejumlah RM404.47 juta atau 30.3% kepada RM1,738.60 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,334.13 juta pada tahun 2009. Butiran Terimaan Bukan Hasil yang meningkat dengan ketara adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) yang meningkat sejumlah RM389.90 juta kepada RM1,600 juta berbanding RM1,210.10 juta pada tahun 2009.

4.4.3.3. Pencapaian Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2006 Hingga 2010


- a. Trend kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan dan penurunan seperti di **Jadual 4.8** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.8
Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Kategori Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	34.02	36.98	41.62	43.01	46.87
2.	Hasil Bukan Cukai	106.02	125.36	88.28	133.87	107.48
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,421.10	1,099.79	1,513.66	1,334.13	1,738.60
Jumlah		1,561.14	1,262.13	1,643.56	1,511.01	1,892.95

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 4.3
Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b. Berdasarkan **Jadual 4.8** dan **Carta 4.3** di atas, trend kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 dipengaruhi oleh Terimaan Bukan Hasil. Butiran Terimaan Bukan Hasil tertinggi adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas).

4.4.3.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

- a. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tahun 2006 hingga 2010, antara penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,334.20	1,000.00	1,408.60	1,210.10	1,600.00
2.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	23.71	26.08	28.52	31.38	34.33
3.	Pemberian Tahap Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	27.74	27.74	26.12	27.74	27.74
4.	Cukai Tanah Semasa	17.78	18.85	19.18	20.33	22.06
5.	Premium Perhutanan	14.37	24.82	13.61	29.02	37.47
Jumlah		1,417.80	1,097.49	1,496.03	1,318.57	1,721.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b. Analisis Audit menunjukkan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) merupakan penyumbang hasil utama Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010. Terimaan Dana Khas yang berjumlah RM1,600 juta telah menyumbang 84.5% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2010. Selain terimaan Dana Khas, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama, Pemberian Tahap Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup, Cukai Tanah Semasa, dan Premium Perhutanan.
- c. Analisis mengenai peningkatan yang ketara bagi butiran hasil pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Peningkatan Hasil Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,210.10	1,600.00	389.90	32.2	Peningkatan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) dalam tahun 2010 berbanding pada tahun 2009.
2.	Terimaan Balik Tahun-tahun Lalu	8.41	37.25	28.84	342.9	Bayaran balik tuntutan bil elektrik lampu jalan dan lampu isyarat PBT bagi tahun 2007 oleh Kerajaan Persekutuan, dan bayaran balik lebihan Dana Remaja tahun 2009 oleh SUK Terengganu.
3.	Premium Perhutanan	29.02	37.47	8.45	29.1	1. Pampasan Gantian Premium (RM4.61 juta) 2. Premium Kawasan Pembalakan (RM1.84 juta) 3. Pemberian Kompleks Dungun (RM2.05 juta).
4.	Pinjaman Daripada Hasil Yang Dijeniskan	1.34	8.76	7.42	553.7	Bayaran balik pinjaman oleh PMINT kepada Kerajaan Negeri dan bayaran balik faedah pinjaman PAKR Gong Badak.
5.	Royalti Kayu Kayan	3.97	7.07	3.10	78.1	Peningkatan jumlah pengeluaran kayu balak sebanyak 255,749 meter padu iaitu 304,389 meter padu (2009) kepada 560,138 meter padu (2010).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- d. Butiran hasil yang menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Penurunan Hasil Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Bekalan Air	47.00	0.00	47.00	100.0	Bayaran bagi tahun 2010 dibayar pada tahun 2011 yang berjumlah RM30 juta.
2.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	15.76	9.85	5.91	37.5	Projek Pembangunan Persekutuan yang dilaksanakan pada tahun 2010 berkurangan berbanding pada tahun 2009.
3.	Keuntungan Akaun Pelaburan Al-Mudharabah	5.44	3.57	1.87	34.4	Perbendaharaan Negeri kurang membuat Simpanan Tetap dalam tahun 2010.
4.	Rampasan Dan Lucutan Jabatan Perhutanan	2.53	0.87	1.66	65.6	Jumlah kes yang terlibat dengan ganti rugi dan rampasan kesalahan hutan telah berkurang pada 2010.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.4. Perbelanjaan Mengurus

4.4.4.1. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM94.84 juta atau 5.3% daripada RM1,785.06 juta pada tahun 2009 kepada RM1,690.22 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	192.19	203.36	11.17	5.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	149.51	155.99	6.48	4.3
3.	Aset	38.23	35.75	(2.48)	(6.5)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,404.80	1,294.67	(110.13)	(7.8)
5.	Perbelanjaan Lain	0.33	0.45	0.12	36.4
Jumlah		1,785.06	1,690.22	(94.84)	(5.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.4.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan perbelanjaan mengurus adalah disebabkan penurunan perbelanjaan di bawah kategori Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Aset masing-masing menurun sejumlah RM110.13 juta dan RM2.48 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2010 iaitu berjumlah RM1,294.67 juta atau 76.6% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.

4.4.4.3. Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain	14.04	26.91	12.87	91.7	Peningkatan bayaran balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010.
2.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	57.36	60.80	3.44	5.9	Pertambahan perbelanjaan Elaun Tetap Bulanan Agensi Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu dan Perwujudan PTJ baru (Institut Al-Quran Terengganu)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.4.4. Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan penurunan ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	1,374.14	1,250.61	123.53	8.9	Pengurangan jumlah pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Caruman/Bantuan Kepada Agensi.
2.	Kenderaan Dan Jentera	11.96	10.36	1.60	13.4	Pengurangan pembelian kenderaan jabatan negeri yang diperuntukkan di bawah Pejabat Perbendaharaan Negeri.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu


4.4.4.5. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut kategori perbelanjaan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.15** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.15
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Emolumen	169.58	186.68	202.84	192.19	203.36
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	109.79	121.76	138.51	149.51	155.99
3.	Aset	85.73	73.19	49.57	38.23	35.75
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,011.18	1,163.41	1,398.23	1,404.80	1,294.67
5.	Perbelanjaan Lain	0.64	1.48	0.95	0.33	0.45
Jumlah		1,376.92	1,546.52	1,790.10	1,785.06	1,690.22

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 4.4
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.4.6. Analisis Audit mendapati Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri menunjukkan trend penurunan pada tahun 2009 dan 2010 berbanding tahun 2006 hingga 2008 yang menunjukkan trend peningkatan perbelanjaan. Pada tahun 2010, jumlah perbelanjaan menurun sejumlah RM94.84 juta atau 5.3% berbanding tahun 2009 manakala perbelanjaan bagi tahun 2009 berbanding 2008 penurunan sejumlah RM5.04 juta atau 0.3%. Trend penurunan dan peningkatan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah dipengaruhi oleh trend perbelanjaan bagi maksud Pemberian Dan Kenaan Tetap. Jenis perbelanjaan di bawah Pemberian Dan Kenaan Tetap antaranya adalah seperti Bantuan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun Negeri, Caruman Kepada Tabung Amanah Warisan Negeri, Bantuan Hari Raya dan Bantuan Remaja.

4.4.5. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.5.1. Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Semasa mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2010, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatat surplus berjumlah RM202.73 juta berbanding defisit RM274.05 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sebanyak 174%. Peningkatan mendadak ini disebabkan oleh peningkatan hasil sejumlah RM381.94 juta dan penurunan perbelanjaan mengurus sejumlah RM94.84 juta seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan
Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(424.96)	(699.01)	(274.05)	(64.5)
Hasil	1,511.01	1,892.95	381.94	25.3
Perbelanjaan Mengurus	1,785.06	1,690.22	(94.84)	(5.3)
Surplus/(Defisit)	(274.05)	202.73	476.78	174.0
Baki Pada 31 Disember	(699.01)	(496.28)	202.73	29.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu


4.4.5.2. Prestasi hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.17** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.17
Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Perkara	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(178.26)	5.97	(278.42)	(424.96)	(699.01)
Hasil	1,561.14	1,262.13	1,643.56	1,511.01	1,892.95
Perbelanjaan Mengurus	1,376.91	1,546.52	1,790.10	1,785.06	1,690.22
Surplus/(Defisit)	184.22	(284.39)	(146.54)	(274.05)	202.73
Baki Pada 31 Disember	5.97	(278.42)	(424.96)	(699.01)	(496.28)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 4.5
Prestasi Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.5.3. Analisis Audit terhadap pencapaian hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan Akaun Hasil Disatukan telah mencatat surplus pada tahun 2006 sejumlah RM184.22 juta. Bagaimanapun pada tahun 2007 hingga 2009, Akaun Hasil Disatukan mengalami defisit untuk 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2010, Akaun Hasil Disatukan kembali mencatatkan surplus berjumlah RM202.73 juta disebabkan peningkatan hasil sejumlah RM381.94 juta dan penurunan perbelanjaan mengurus sejumlah RM94.84 juta.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau kumpulan wang lain yang berkaitan.

4.5.2. Pada tahun 2010, sejumlah RM46.50 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air. Pinjaman yang diterima ini telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Bekalan Air. Sehingga akhir tahun 2010, akaun ini mempunyai baki sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2009.

4.5.3. Pinjaman baru yang diterima pada tahun 2010 berjumlah RM46.50 juta adalah bagi membiayai 6 projek bekalan air seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18
Pinjaman Baru Bagi Projek Bekalan Air Pada Tahun 2010

Bil.	Projek	Jumlah (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air Besut Peringkat 3	28.21
2.	Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (NRW) Negeri	7.88
3.	Projek Pembinaan <i>Barrage</i> Di Sungai Besut	3.75
4.	Projek Pembinaan <i>Barrage</i> Di Sungai Kemaman	2.70
5.	Projek Bekalan Air Bersih Ke Telok Kalong Dan Pasir Panjang, Pulau Redang	2.39
6.	Projek Naik Taraf Loji Air Tepus, Dungun	1.57
Jumlah		46.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

4.6.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2010, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM569.94 juta iaitu menurun sejumlah RM369.52 juta atau 39.3% berbanding RM939.46 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19**Kedudukan Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	344.49	(41.18)	(385.67)	(112.0)
Kumpulan Wang Amanah Awam	447.28	355.25	(92.03)	(20.6)
Akaun Wang Deposit	147.69	255.87	108.18	73.2
Baki Pada 31 Disember	939.46	569.94	(369.52)	(39.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam masing-masing menurun sejumlah RM385.67 juta dan RM92.03 juta pada tahun 2010 berbanding RM344.49 juta dan RM447.28 juta pada tahun 2009. Manakala Akaun Wang Deposit meningkat sejumlah RM108.18 juta atau 73.2% menjadi RM255.87 juta berbanding RM147.69 juta pada tahun 2009.

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini disenaraikan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Jadual Kedua dan Jadual Ketiga) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Pemberian Dan Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan dan Terimaan Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan Negeri. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20**Kedudukan Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	28.62	59.16	30.54	106.7
Penerimaan	708.71	544.14	(164.57)	(23.2)
Pembayaran	678.17	1,040.42	362.25	53.4
Surplus/(Defisit)	30.54	(496.28)	(526.82)	(1,725.0)
Baki Pada 31 Disember	59.16	(437.12)	(496.28)	(838.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, penerimaan Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM544.14 juta berbanding RM708.71 juta pada tahun 2009 iaitu berkurang sejumlah RM164.57 juta. Penurunan ini disebabkan pengurangan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM190 juta kepada RM510 juta berbanding RM700 juta pada tahun 2009. Manakala pembayaran pembangunan pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM362.25 juta atau 53.4% kepada RM1,040.42 juta berbanding RM678.17 juta pada tahun 2009. Pada akhir tahun 2010, Kumpulan Wang ini telah mencatat defisit semasa berjumlah RM496.28 juta berbanding surplus pada tahun 2009 berjumlah RM30.54 juta. Defisit ini disebabkan jumlah pembayaran yang dibuat pada tahun 2010 melebihi daripada jumlah penerimaan. Dengan defisit semasa ini menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2010 menjadi defisit RM437.12 juta berbanding surplus RM59.16 juta pada tahun 2009.
- c. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM1,040.42 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21

Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	565.34	845.65	280.31	49.6
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	22.98	69.79	46.81	203.7
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	22.46	48.06	25.60	114.0
4.	Jabatan Kerja Raya	26.07	30.95	4.88	18.7
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.36	15.04	6.68	79.9
6.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	7.83	7.78	(0.05)	(0.6)
7.	Jabatan Perhutanan	3.49	3.29	(0.20)	(5.7)
8.	Pejabat Daerah Setiu	2.68	2.69	0.01	0.4
9.	Pejabat Daerah Kemaman	2.56	2.69	0.13	5.1
10.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2.57	2.67	0.10	3.9
11.	Jabatan Pertanian Negeri	4.31	2.66	(1.65)	(38.3)
12.	Pejabat Daerah Marang	2.70	2.65	(0.05)	(1.9)
13.	Pejabat Daerah Besut	2.70	2.57	(0.13)	(4.8)
14.	Pejabat Daerah Dungun	2.68	2.51	(0.17)	(6.3)
15.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.44	1.42	(0.02)	(1.4)
Jumlah		678.17	1,040.42	362.25	53.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- d. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, perbelanjaan bagi 8 daripada 15 Jabatan mencatat peningkatan manakala 7 Jabatan mencatat penurunan. Empat Jabatan yang mencatatkan jumlah perbelanjaan tertinggi ialah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM845.65 juta, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri berjumlah RM69.79 juta, Pejabat Perbendaharaan Negeri berjumlah RM48.06 juta dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM30.95 juta. Perbelanjaan pembangunan bagi 4 Jabatan di atas meningkat berbanding tahun 2009 masing-masing sejumlah RM280.31 juta atau 49.6%, RM46.81 juta (203.7%), RM25.60 juta (114.0%) dan RM4.88 juta (18.7%).

- e. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan perbelanjaan sejumlah RM280.31 juta atau 49.6% berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM565.34 juta kepada RM845.65 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah bagi membiayai perbelanjaan pembangunan seperti Kompleks Istana Baru di Bukit Chendering Kuala Terengganu berjumlah RM104.12 juta, Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram Ke Kampung Tok Kong Ke Bukit Guntong berjumlah RM80 juta, Kemudahan Prasarana Pembangunan Bandar Dan Luar Bandar berjumlah RM90.46 juta, Surau Dan Masjid berjumlah RM49.72 juta, Taman Ilmu berjumlah RM34.36 juta, Projek Rumah Mampu Milik Kampung Batin Kuala Terengganu berjumlah RM31.46 juta serta Program Pembasmian Kemiskinan Dan Pembangunan Kampung Dan Masyarakat berjumlah RM30.81 juta.
- f. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri mencatat perbelanjaan kedua tertinggi berjumlah RM69.79 juta iaitu meningkat sejumlah RM46.81 juta atau 203.7% berbanding tahun 2009 berjumlah RM22.98 juta. Perbelanjaan ini adalah bagi kos pengambilan balik tanah pada tahun 2010. Perbelanjaan bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri juga telah meningkat sejumlah RM25.60 juta atau 114% kepada RM48.06 juta berbanding RM22.46 juta pada tahun 2009.

4.6.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan Dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM125.32 juta berbanding RM125.11 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM0.21 juta atau 0.2%. Peningkatan ini disebabkan sejumlah RM46.50 juta penerimaan berbanding pembayaran berjumlah RM46.29 juta pada tahun 2010. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22

Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	128.43	125.11	(3.32)	(2.6)
Penerimaan	51.01	46.50	(4.51)	(8.8)
Pembayaran	54.33	46.29	(8.04)	(14.8)
Lebihan/(Defisit)	(3.32)	0.21	3.53	106.3
Baki Pada 31 Disember	125.11	125.32	0.21	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b. Antara projek yang dibuat pembayaran pada tahun 2010 adalah projek Bekalan Air Besut Peringkat 3 berjumlah RM26.88 juta, Menaik Taraf Loji Air Tepus, Dungun berjumlah RM3.24 juta, Pemasangan Paip Air Baru/Retikulasi berjumlah RM2.77 juta, Bekalan Air Bersih Ke Telok Kalong dan Pasir Panjang di Pulau Redang berjumlah RM2.54 juta, projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (NRW) Negeri

Terengganu berjumlah RM2.24 juta dan Pembinaan *Barrage* Di Sungai Kemaman berjumlah RM1.96 juta.

4.6.3.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengandungi 79 akaun yang terdiri daripada 58 Akaun Penyelesaian, satu Akaun Perniagaan, 17 Akaun Pinjaman, satu Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan 2 Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	3.28	5.45	2.17	66.2
2.	Akaun Perniagaan	0.59	0.71	0.12	20.3
3.	Akaun Pinjaman	51.75	55.82	4.07	7.9
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	-	-
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	99.60	203.64	104.04	104.5
Baki Pada 31 Disember		160.22	270.62	110.40	68.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM270.62 juta iaitu meningkat sejumlah RM110.40 juta atau 68.9% berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM160.22 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh baki Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah telah meningkat sejumlah RM104.04 juta atau 104.5% menjadi RM203.64 juta berbanding RM99.60 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan Akaun Kena Bayar yang berjumlah RM183.64 juta pada tahun 2010 telah meningkat sejumlah RM104.04 juta iaitu 130.7% berbanding RM79.60 juta pada tahun 2009.

c. Kumpulan Wang Luar Jangka

Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka seperti bencana alam. Pada tahun 2010, tidak ada sebarang urus niaga yang dibuat melalui Kumpulan Wang ini menjadikan baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM5 juta.

d. Akaun Kena Bayar

- Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang tidak sempat dibayar pada akhir tahun semasa dan dibayar pada awal tahun berikutnya. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terengganu Bil. 3 Tahun 2010

membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2010 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga 11 Januari 2011 dan semua pesanan kerajaan dan inden kerja perlu dihentikan mulai 30 November 2010 kecuali bekalan petroleum. Pada akhir tahun 2010, baki AKB berjumlah RM183.64 juta berbanding RM79.60 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah RM104.04 juta atau 130.7%. Kedudukan AKB mengikut Jabatan bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	17.28	64.89	47.61	275.5
2.	Jabatan Kerja Raya	19.56	55.37	35.81	183.1
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1.69	18.50	16.81	994.7
4.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	7.47	11.93	4.46	59.7
5.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	4.23	6.49	2.26	53.4
6.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.18	5.36	5.18	2,877.8
7.	Pejabat Daerah Dungun	4.03	4.46	0.43	10.7
8.	Jabatan Bekalan Air	5.97	3.15	(2.82)	(47.2)
9.	Jabatan Pertanian	0.20	2.20	2.00	1,000.0
10.	Pejabat Daerah Marang	3.15	2.09	(1.06)	(33.7)
11.	Pejabat Daerah Besut	4.23	1.61	(2.62)	(61.9)
12.	Jabatan Hal Ehwal Agama	0.60	1.54	0.94	156.7
13.	Pejabat Daerah Kemaman	1.17	1.41	0.24	20.5
14.	Pejabat Daerah Setiu	2.09	1.23	(0.86)	(41.2)
15.	Jabatan Perhutanan	0.52	1.13	0.61	117.3
16.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.88	0.52	(0.36)	(40.9)
17.	Pejabat Pengelola Istana	0.43	0.40	(0.03)	(7.0)
18.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar	0.59	0.36	(0.23)	(39.0)
19.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.07	0.22	0.15	214.3
20.	Pejabat Tanah Dan Galian	0.05	0.16	0.11	220.0
21.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.02	0.14	0.12	600.0
22.	Pejabat Dewan Undangan Negeri	0.08	0.12	0.04	50.0
23.	Pejabat Tanah Setiu	0.02	0.12	0.10	500.0
24.	Pejabat Tanah Dungun	0.09	0.07	(0.02)	(22.2)
25.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	4.35	0.04	(4.31)	(99.1)
26.	Pejabat Tanah Besut	0.02	0.02	0	-
27.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	0.51	0.02	(0.49)	(96.1)
28.	Pejabat Tanah Kemaman	0.02	0.02	0	-
29.	Pejabat Tanah Marang	0.02	0.02	0	-
30.	Jabatan-jabatan Lain	0.08	0.05	(0.03)	(37.5)
Jumlah		79.60	183.64	104.04	130.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- ii. Berdasarkan Jadual di atas didapati sebanyak 16 Jabatan telah mencatat peningkatan perbelanjaan AKB manakala 11 Jabatan mencatat penurunan dan 3 Jabatan tidak berubah. Pejabat SUK mencatatkan perbelanjaan AKB tertinggi iaitu sejumlah RM64.89 juta berbanding RM17.28 juta pada tahun 2009. Jabatan Kerja Raya mempunyai jumlah AKB kedua tertinggi berjumlah RM55.37 juta berbanding RM19.56 juta pada tahun 2009. Manakala Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Pejabat Daerah Kuala Terengganu juga mencatat jumlah AKB yang tinggi iaitu masing-masing berjumlah RM18.50 juta dan RM11.93 juta. Sementara itu, Pejabat

Perbendaharaan Negeri mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi iaitu sebanyak 2,877.8% atau RM5.18 juta kepada RM5.36 juta berbanding RM0.18 juta pada tahun 2009. Diikuti dengan Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan Dan Saliran yang masing-masing meningkat sebanyak 1,000% dan 994.7%.

- iii. Analisis Audit mendapati perbelanjaan AKB yang berjumlah RM183.64 juta lebih besar berbanding baki Wang Tunai pada 31 Disember 2010 yang berjumlah RM73.66 juta. Ini menunjukkan baki Wang Tunai tidak dapat menampung AKB tersebut iaitu terkurang sejumlah RM109.98 juta. Antara sebab peningkatan jumlah AKB adalah tuntutan/bil daripada pembekal lewat diterima, waran peruntukan yang dikeluarkan lewat diterima oleh jabatan yang melaksanakan projek, dokumen bayaran tidak lengkap, perbelanjaan pembangunan yang melibatkan bayaran projek yang belum siap pada akhir tahun dan kelewatan menerima tambahan peruntukan. Semakan mendapati kekurangan tersebut telah ditampung melalui hasil tahun 2011 yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada bulan Januari 2011 seperti Dana Khas dan Pemberian Hitung Kepala.

4.6.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.4.1. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan Kumpulan Wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki bagi 34 akaun amanah dalam Kumpulan Wang ini yang dikawal oleh 12 Jabatan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM355.25 juta berbanding RM447.28 juta pada tahun 2009 iaitu menurun sejumlah RM92.03 juta atau 20.6% seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Baki Kumpulan Wang Amanah Awam Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Perkara	Tahun		(Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	450.86	447.28	(3.58)	(0.8)
Penerimaan	506.31	263.85	(242.46)	(47.9)
Pembayaran	509.89	355.88	(154.01)	(30.2)
Baki Pada 31 Disember	447.28	355.25	(92.03)	(20.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.6.4.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Kumpulan Wang Amanah ini pada akhir tahun 2010 disebabkan jumlah pembayaran sejumlah RM355.88 juta lebih tinggi berbanding dengan penerimaan yang berjumlah RM263.85 juta. Sebanyak 20 daripada 43 baki akaun menunjukkan peningkatan, sebanyak 9 akaun mengalami penurunan dan 14 akaun tidak berubah. Penurunan yang ketara adalah baki Akaun Amanah Dana Khas, Akaun Amanah Pembangunan Antara Sempadan Terengganu-Kelantan-Pahang dan Akaun Amanah Tabung TESDEC masing-masing menurun sejumlah RM99.76 juta, RM7.02 juta dan RM6.24 juta. Manakala peningkatan yang ketara antaranya adalah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri, Akaun Amanah Dana

Masjid dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang masing-masing meningkat sejumlah RM14.24 juta, RM2.56 juta dan RM1.79 juta.

4.6.4.3. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2010, baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM216.58 juta berbanding RM202.34 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM14.24 juta atau 7%. Kedudukan Kumpulan Wang ini bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Perkara	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	107.31	107.10	133.69	177.53	202.34
Penerimaan	55.13	222.15	173.66	226.03	224.95
Pembayaran	55.34	195.56	129.82	201.22	210.71
Surplus/(Defisit)	(0.21)	26.59	43.84	24.81	14.24
Baki Pada 31 Disember	107.10	133.69	177.53	202.34	216.58

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- Analisis Audit mendapati baki akhir Kumpulan Wang Amanah ini meningkat setiap tahun bagi tempoh 2006 hingga 2010. Baki akhir pada tahun 2006 berjumlah RM107.10 juta meningkatkan kepada RM216.58 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sejumlah RM109.48 juta dalam tempoh 5 tahun tersebut. Peningkatan ini disebabkan oleh jumlah penerimaan penyelenggaraan jalan raya daripada Kerajaan Persekutuan lebih tinggi berbanding jumlah perbelanjaan bagi tempoh tersebut kecuali bagi tahun 2006.

4.6.4.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.
- Pada tahun 2010, Kumpulan Wang ini mencatat surplus sejumlah RM1.78 juta disebabkan penerimaan yang berjumlah RM4.93 juta melebihi perbelanjaan yang berjumlah RM3.15 juta. Dengan surplus ini menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang ini meningkat menjadi RM5.16 juta berbanding RM3.38 juta pada tahun 2009. Baki kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Perkara	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	2.79	4.16	5.08	5.18	3.38
Penerimaan	3.81	3.55	3.37	2.68	4.93
Pembayaran	2.44	2.63	3.27	4.48	3.15
Surplus/(Defisit)	1.37	0.92	0.10	(1.80)	1.78
Baki Pada 31 Disember	4.16	5.08	5.18	3.38	5.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- c. Analisis Audit mendapati kutipan ses kayu balak pada tahun 2010 telah meningkat sejumlah RM2.25 juta atau 84% kepada RM4.93 juta berbanding RM2.68 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan peningkatan pengeluaran kayu balak sebanyak 255,748 meter padu daripada 304,388 meter padu pada tahun 2009 kepada 560,137 meter padu pada tahun 2010. Manakala perbelanjaan Kumpulan Wang pula mencatatkan penurunan sejumlah RM1.34 juta atau 29.8% menjadi RM3.15 juta pada tahun 2010 berbanding RM4.48 juta pada tahun 2009.

4.6.4.5. Amanah Dana Khas

- a. Akaun ini ditubuhkan pada pertengahan tahun 2006 bertujuan untuk mengakaunkan wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan program yang dibiayai di bawah Dana Khas. Program yang dibiayai adalah program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu yang diluluskan oleh Majlis Tindakan Dana Khas. Majlis ini dianggotai oleh seramai 4 ahli dan dipengerusikan oleh Menteri Besar Terengganu. Pada tahun 2010, akaun ini berbaki RM109.51 juta iaitu menurun sejumlah RM99.76 juta atau 47.7% berbanding RM209.27 juta pada tahun 2009. Kedudukan Kumpulan Wang ini bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Amanah Dana Khas Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Perkara	Tahun			
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	431.08	284.96	242.01	209.27
Penerimaan	543.14	295.08	249.20	6.09*
Pembayaran	689.26	338.03	281.94	105.85
Surplus/(Defisit)	(146.12)	(42.95)	(32.74)	(99.76)
Baki Pada 31 Disember	284.96	242.01	209.27	109.51

Sumber: Penyata Awam Kerajaan Negeri Terengganu

Nota: *-Jumlah pelarasian kerana salah akaun dan lebihan wang

- b. Analisis Audit menunjukkan Akaun Amanah ini mencatatkan defisit pada tahun 2010 sejumlah RM99.76 juta berbanding defisit sejumlah RM32.74 juta pada tahun 2009. Defisit ini disebabkan tidak ada penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010. Ini menjadikan baki terkumpul Akaun Amanah Dana Khas pada akhir tahun 2010 berjumlah RM109.51 juta berbanding RM209.27 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, sejumlah RM105.85 juta telah dibelanjakan melalui Akaun Amanah

ini bagi melaksanakan beberapa projek antaranya pembinaan Sekolah Menengah IMTIAZ di Besut serta asrama Yayasan Terengganu di Pelagat Besut dan KETENGAH.

4.6.4.6. Akaun Amanah Tabung TESDEC

Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi mengakaunkan geran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan daripada orang awam untuk membiayai pelbagai perbelanjaan bagi Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu/*Terengganu Skills Development Centre* (TESDEC). Pada tahun 2010, jumlah terimaan adalah RM9.16 juta dan perbelanjaan adalah berjumlah RM15.39 juta menjadikan baki Akaun ini pada akhir tahun 2010 berjumlah RM0.16 juta berbanding RM6.40 juta pada tahun 2009.

4.6.5. Akaun Wang Deposit

4.6.5.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Pada tahun 2010, baki akaun deposit adalah berjumlah RM255.87 juta iaitu meningkat sejumlah RM108.19 juta atau 73.3% berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM147.68 juta. Kedudukan Deposit pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Kedudukan Deposit Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ Penurunan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	57.19	145.65	88.46	154.7
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	20.59	39.14	18.55	90.1
3.	Jabatan Kerja Raya	32.03	29.50	(2.53)	(7.9)
4.	Pejabat Tanah Dungun	8.95	8.31	(0.64)	(7.2)
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	6.11	7.41	1.30	21.3
6.	Pejabat Tanah Kemaman	5.50	6.82	1.32	24.0
7.	Pejabat Tanah Marang	5.66	5.75	0.09	1.6
8.	Jabatan Bekalan Air	2.60	3.59	0.99	38.1
9.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	2.78	2.81	0.03	1.1
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1.52	1.88	0.36	23.7
11.	Pejabat Tanah Besut	0.81	0.84	0.03	3.7
12.	Pejabat Daerah Kemaman	0.61	0.63	0.02	3.3
13.	Pejabat Tanah Setiu	0.41	0.52	0.11	26.8
14.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.48	0.49	0.01	2.1
15.	Pejabat Tanah Dan Galian	0.41	0.47	0.06	14.6
16.	Pejabat Daerah Marang	0.39	0.46	0.07	17.9
17.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	0.41	0.37	(0.04)	(9.8)
18.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	0.28	0.32	0.04	14.3
19.	Pejabat Daerah Besut	0.28	0.28	-	-
20.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.07	0.19	0.12	171.4
21.	Pejabat Daerah Dungun	0.22	0.19	(0.03)	(13.6)
22.	Pejabat Daerah Setiu	0.22	0.14	(0.08)	(36.4)
23.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.09	0.07	(0.02)	(22.2)
24.	Pejabat Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama	0.04	0.03	(0.01)	(25.0)
25.	Jabatan Pertanian Negeri	0.01	0.01	-	-
26.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.02	-	(0.02)	(100.0)
Jumlah		147.68	255.87	108.19	73.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.6.5.2. Analisis Audit menunjukkan baki bagi 16 Akaun Deposit telah meningkat berbanding tahun 2009 manakala 8 akaun mencatatkan penurunan dan 2 akaun tidak berubah. Pejabat Tanah Kuala Terengganu mempunyai deposit paling tinggi iaitu berjumlah RM145.65 juta pada tahun 2010 berbanding RM57.19 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumrah RM88.46 juta atau 154.7%. Peningkatan ini disebabkan oleh deposit diterima daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi pengambilan balik tanah. Manakala jumlah deposit di Pejabat SUK meningkat sebanyak 90.1% atau sejumrah RM18.55 juta kepada RM39.14 juta berbanding RM20.59 juta pada tahun 2009.

4.7. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan untuk menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai. Aliran masuk (Penerimaan) Wang Tunai terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, terimaan modal dan lain-lain terimaan amanah. Manakala aliran keluar (Pembayaran) Wang Tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dalam dan luar negeri serta lain-lain bayaran amanah. Kedudukan aliran penerimaan dan pembayaran Wang Tunai bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Aliran Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	398.65	240.45	(158.20)	(39.7)
Penerimaan	1,652.14	2,100.87	448.73	27.2
Pembayaran	1,810.34	2,267.66	457.32	25.3
Lebihan/(Kurangan)	(158.20)	(166.79)	(8.59)	(5.4)
Baki Pada 31 Disember	240.45	73.66	(166.79)	(69.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.7.2. Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2010 telah menurun sejumrah RM166.79 juta atau 69.4% menjadi RM73.66 juta berbanding RM240.45 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan jumlah pembayaran lebih besar berbanding jumlah penerimaan.

4.7.3. Butiran aliran masuk dan aliran keluar Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun 2010 Dan 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Penerimaan					
1.	Hasil Cukai	43.01	46.87	3.86	9.0
2.	Hasil Bukan Cukai	133.87	107.48	(26.39)	(19.7)
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,334.13	1,738.60	404.47	30.3
4.	Pinjaman Dalam Negeri	46.63	46.50	(0.13)	(0.3)
5.	Terimaan Modal	14.72	34.14	19.42	131.9
6.	Terimaan Lain	79.78	127.28	47.50	59.6
	Jumlah Penerimaan	1,652.14	2,100.87	448.73	27.2
Pembayaran					
1.	Perbelanjaan Mengurus	1,076.94	1,159.98	83.04	7.7
2.	Perbelanjaan Pembangunan	678.17	1,040.43	362.26	53.4
3.	Bayaran Balik Pinjaman	55.23	67.25	12.02	21.8
	Jumlah Pembayaran	1,810.34	2,267.66	457.32	25.3
	Lebihan/(Kurangan)	(158.20)	(166.79)	(8.59)	(5.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.7.4. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, aliran masuk Wang Tunai Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM448.73 juta atau 27.2% menjadi RM2,100.87 juta berbanding RM1,652.14 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan jumlah Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM404.47 juta atau 30.3% menjadi RM1,738.60 juta berbanding RM1,334.13 juta pada tahun 2009. Antara butiran Terimaan Bukan Hasil yang meningkat dengan ketara adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) sejumlah RM389.90 juta atau 32.2% menjadi RM1,600 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,210.10 juta pada tahun 2009.

4.7.5. Aliran keluar Wang Tunai pula telah meningkat sejumlah RM457.32 juta atau 25.3% menjadi RM2,267.66 juta berbanding RM1,810.34 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM83.04 juta atau 7.7% manakala perbelanjaan pembangunan meningkat sejumlah RM362.26 juta atau 53.4% menjadi RM1,040.43 juta berbanding RM678.17 juta pada tahun 2009. Peningkatan perbelanjaan pembangunan disebabkan bayaran yang dibuat terhadap projek-projek yang dilaksanakan seperti pembinaan Istana Baru Di Bukit Chendering Kuala Terengganu, pembinaan surau dan masjid serta Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung Dan Masyarakat.

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan aset Kerajaan Negeri yang terdiri daripada pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan tunggakan hasil. Manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan tanggungan Kerajaan Negeri dalam bentuk hutang awam dalam negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2010, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM293.88 juta iaitu menurun sejumlah RM34.13 juta atau 10.4% berbanding RM328.01 juta pada tahun 2009. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2010 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32

Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada tahun 2010 Berbanding 2009

Agensi	Tahun		(Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	301.83	272.80	(29.03)	(9.6)
Pihak Berkuasa Tempatan	26.18	21.08	(5.10)	(19.5)
Jumlah	328.01	293.88	(34.13)	(10.4)

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu*

4.8.1.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan sejumlah RM34.13 juta disebabkan tidak ada pinjaman baru dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh Agensi Negeri pada tahun 2010 berjumlah RM34.13 juta. Pergerakan pinjaman bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33
Pergerakan Pinjaman Pada Tahun 2010

Bil.	Agensi	Baki Pinjaman Pokok Pada 1 Jan. 2010 (RM Juta)	Bayaran Balik Dalam Tahun		Baki Pinjaman Pokok Pada 31 Dis. 2010 (RM Juta)	Tunggakan Bayaran Balik Pokok Dan Faedah (RM Juta)
			Pokok (RM Juta)	Faedah (RM Juta)		
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	241.96	25.63	8.66	216.33	251.95
2.	Yayasan Islam Terengganu	47.37	0.90	0.10	46.47	57.51
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	12.50	2.50	-	10.00	-
Jumlah Kecil		301.83	29.03	8.76	272.80	309.46
Pihak Berkuasa Tempatan						
4.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	26.18	5.10	-	21.08	20.32
Jumlah Kecil		26.18	5.10	-	21.08	20.32
Jumlah		328.01	34.13	8.76	293.88	329.78

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu*

4.8.1.3. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, kesemua 4 Agensi Kerajaan Negeri yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik (pokok dan faedah) berjumlah RM42.89 juta berbanding RM10.05 juta pada tahun 2009. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM25.63 juta atau 10.6% menjadikan baki pinjaman berjumlah RM216.33 juta. Bayaran balik yang dibuat adalah bagi 13 projek Perumahan Awam Kos Rendah. Manakala bayaran balik pinjaman oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

adalah masing-masing berjumlah RM2.50 juta, RM0.90 juta dan RM5.10 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34
Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Agensi	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	265.91	263.44	244.81	241.96	216.33
2.	Yayasan Islam Terengganu	48.37	48.37	48.37	47.37	46.47
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	20.00	17.50	15.00	12.50	10.00
Jumlah Kecil		334.28	329.31	308.18	301.83	272.80
Pihak Berkuasa Tempatan						
4.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	28.55	28.55	28.55	26.18	21.08
5.	Majlis Daerah Besut	0.30	0.00	0.00	0.00	0.00
6.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	0.47	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Kecil		29.32	28.55	28.55	26.18	21.08
Jumlah		363.60	357.86	336.73	328.01	293.88

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.1.4. Analisis Audit menunjukkan baki Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun pada setiap tahun bagi tempoh 2006 hingga 2010. Baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri pada tahun 2006 berjumlah RM334.28 juta menurun kepada RM272.80 juta pada tahun 2010 iaitu penurun sejumlah RM61.48 juta atau 18.4%. Manakala baki pinjaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan menurun sejumlah RM8.24 juta atau 28.1% iaitu daripada RM29.32 juta pada tahun 2006 kepada RM21.08 juta pada tahun 2010.

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan saham Perbadanan Menteri Besar. Pada akhir tahun 2010, pelaburan adalah berjumlah RM60.07 juta meningkat sejumlah RM24.57 juta atau 69.2% berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM35.5 juta. Pelaburan ini merupakan pelaburan saham tak tersiar harga dalam Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) berjumlah RM59.57 juta dan MBI Capital Sdn. Bhd. berjumlah RM0.50 juta. Kedudukan pelaburan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

4.8.2.2. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima dividen daripada pelaburan berjumlah RM2.38 juta berbanding tidak ada dividen diterima pada tahun 2009.

Jadual 4.35
Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Saham Tersiar Harga						
1.	Terengganu Development Management Bhd.	35.92	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	IJM Plantation Bhd.	0.05	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Hume Industries (Malaysia) Bhd.	0.04	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Wah Seong Corporation Bhd.	0.04	0.00	0.00	0.00	0.00
5.	Digi Com Bhd.	0.06	0.00	0.00	0.00	0.00
6.	BSA International Bhd.	0.01	0.00	0.00	0.00	0.00
7.	MTD Capital Bhd.	0.03	0.00	0.00	0.00	0.00
Saham Tak Tersiar Harga						
8.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.	0.00	35.00	35.00	35.00	59.57
9.	MBI Capital Sdn. Bhd.	0.00	0.50	0.50	0.50	0.50
Jumlah		36.15	35.50	35.50	35.50	60.07

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.3. Tuggakan Hasil

4.8.3.1. Peraturan mengenai tuggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89 yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 juga menjelaskan dasar dan prosedur berkaitan tuggakan hasil. Pada tahun 2010, tuggakan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM12.17 juta iaitu tidak termasuk tuggakan faedah pinjaman boleh dituntut yang berjumlah RM76.38 juta. Tuggakan hasil Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM2.15 juta atau 21.5% menjadi RM12.17 juta pada tahun 2010 berbanding RM10.02 juta pada tahun 2009. Butiran tuggakan hasil bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Kedudukan Tuggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	15.53	12.82	11.75	9.84	11.83
2.	Lain-lain Hasil	0.29	0.29	0.18	0.18	0.34
Jumlah		15.82	13.11	11.93	10.02	12.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.3.2. Peningkatan jumlah tuggakan hasil disebabkan peningkatan tuggakan Cukai Tanah sejumlah RM1.99 juta atau 20.2% iaitu menjadi RM11.83 juta pada tahun 2010 berbanding RM9.84 juta pada tahun 2009. Butiran tuggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Tanah pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37**Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Tanah Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.53	2.17	(0.36)	(14.2)
2.	Pejabat Tanah Setiu	1.18	0.87	(0.31)	(26.3)
3.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	1.86	2.08	0.22	11.8
4.	Pejabat Tanah Kemaman	1.26	1.76	0.50	39.7
5.	Pejabat Tanah Marang	0.97	0.68	(0.29)	(29.9)
6.	Pejabat Tanah Besut	1.06	3.67	2.61	246.2
7.	Pejabat Tanah Dungun	0.98	0.60	(0.38)	(38.8)
Jumlah		9.84	11.83	1.99	20.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.3.3. Analisis Audit menunjukkan 4 Pejabat Tanah mencatatkan penurunan tunggakan hasil berbanding 3 Pejabat Tanah yang merekodkan peningkatan. Pejabat Tanah yang mencatatkan penurunan adalah Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Setiu, Marang dan Dungun masing-masing sejumlah RM0.36 juta, RM0.31 juta, RM0.29 juta dan RM0.38 juta. Manakala Pejabat Tanah Hulu Terengganu, Kemaman dan Besut mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah masing-masing sejumlah RM0.22 juta, RM0.50 juta dan RM2.61 juta. Pihak Berkusa Kerajaan Negeri dan juga Pejabat Tanah perlu terus menjalankan usaha untuk mengurangkan atau mengutip tunggakan cukai tanah antaranya melalui notis yang dikeluarkan atau cara hebahan yang lain.

4.8.4. Hutang Kerajaan Negeri

4.8.4.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2010, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,032.73 juta berbanding RM1,006.96 juta pada tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM25.77 juta atau 2.6% seperti di **Jadual 4.38**. Peningkatan ini adalah disebabkan pinjaman baru yang diterima pada tahun 2010 berjumlah RM46.50 juta iaitu bagi membiayai projek bekalan air.

Jadual 4.38**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	657.71	702.88	45.17	6.9
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	154.13	148.83	(5.30)	(3.4)
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	73.67	72.30	(1.37)	(1.9)
4.	Ladang Awam	72.08	67.64	(4.44)	(6.2)
5.	Pelaburan	42.88	38.31	(4.57)	(10.7)
6.	Pembangunan Hutan	5.33	2.77	(2.56)	(48.0)
7.	Program Menangani Masalah Y2K	1.16	-	(1.16)	(100.0)
Jumlah		1,006.96	1,032.73	25.77	2.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.4.2. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM56.05 juta (pokok dan faedah) bagi menjelaskan pinjaman antaranya bagi Projek Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.39** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.39
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	532.25	578.79	642.13	657.71	702.88
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	166.59	163.16	160.40	154.13	148.83
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	82.33	76.38	75.84	73.67	72.30
4.	Ladang Awam	72.20	72.08	72.08	72.08	67.64
5.	Pelaburan	43.79	42.88	42.88	42.88	38.31
6.	Pembangunan Hutan	3.58	3.27	3.11	5.33	2.77
7.	Program Menangani Masalah Y2K	2.31	1.31	1.16	1.16	-
Jumlah		903.05	937.87	997.60	1,006.96	1,032.73

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 4.6
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.4.3. Tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM452.93 juta (pokok dan faedah) berbanding RM455.68 juta pada tahun 2009 iaitu menurun sejumlah RM2.75 juta atau 0.6%. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	135.12	159.04	186.21	211.99	212.28
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	32.34	36.93	41.84	43.24	43.60
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	72.41	79.21	81.40	81.72	81.59
4.	Ladang Awam	49.37	56.97	64.60	73.20	77.36
5.	Pelaburan	42.58	39.54	40.57	42.05	35.49
6.	Pembangunan Hutan	1.74	1.74	2.03	2.32	2.61
7.	Program Menangani Masalah Y2K	1.73	1.31	1.16	1.16	-
Jumlah		335.29	374.74	417.81	455.68	452.93

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.9.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah baik di mana Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus sejumlah RM202.73 juta berbanding defisit pada tahun 2009. Dengan surplus ini menjadikan baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun kepada RM496.28 juta berbanding RM699.01 juta pada tahun 2009. Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sejumlah RM34.13 juta atau 10.4% menjadi RM293.88 juta pada tahun 2010.

4.9.2. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan Aset Kerajaan lebih rendah berbanding tanggungan. Aset Kerajaan yang terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil berjumlah RM417.95 juta manakala Tanggungan Kerajaan yang terdiri daripada Hutang Awam berjumlah RM1,032.73 juta. Tunggakan Hasil telah meningkat sebanyak 21.5% atau RM2.15 juta kepada RM12.17 juta berbanding RM10.02 juta pada tahun 2009.

4.9.3. Kerajaan Negeri perlu merancang perbelanjaan dengan cekap dan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan Negeri tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Selain itu, tindakan berterusan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Agensi Negeri.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-9

5.1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Terengganu untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006 hingga 2010. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Terengganu. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Terengganu mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020.

5.1.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-9

5.1.1.1. Sepanjang tempoh RMKe-9 sejumlah RM5.26 bilion telah diperuntukkan kepada 16 jabatan untuk projek pembangunan Negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4.01 bilion atau 76.3% telah dibelanjakan. Sebanyak 10 Jabatan telah membelanjakan antara 94.3% hingga 97.8% daripada peruntukan RMKe-9. Sementara itu, sebanyak 6 Jabatan lagi membelanjakan antara 60% hingga 87.9% daripada peruntukan RMKe-9. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-9

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian Perbelanjaan (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	3,932.87	3,006.49	76.4
2.	Jabatan Bekalan Air	355.90	250.43	70.4
3.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	295.00	243.90	82.7
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	260.00	156.08	60.0
5.	Jabatan Kerja Raya	211.21	163.47	77.4
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	53.57	47.07	87.9
7.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	36.68	34.95	95.3
8.	Jabatan Pertanian Negeri	19.29	18.70	96.9
9.	Jabatan Perhutanan	18.86	18.39	97.5
10.	Pejabat Daerah Marang	11.85	11.40	96.2
11.	Pejabat Daerah Besut	11.70	11.44	97.8
12.	Pejabat Daerah Setiu	11.57	11.15	96.4
13.	Pejabat Daerah Dungun	11.53	10.95	95.0
14.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	11.40	10.91	95.7
15.	Pejabat Daerah Kemaman	11.40	10.75	94.3
16.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	7.70	7.37	95.7
Jumlah		5,260.53	4,013.45	76.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

5.1.1.2. Pada keseluruhannya, sejumlah RM4.01 bilion atau 76.3% daripada RM5.26 bilion peruntukan telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 bagi tempoh 5 tahun berbanding peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah antara 61.9% hingga 84.5% setiap tahun adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
2006	819.47	564.43	68.9
2007	1,014.06	830.94	81.9
2008	946.30	799.86	84.5
2009	1,181.43	732.02	61.9
2010	1,299.27	1,086.20	83.6
Jumlah	5,260.53	4,013.45	76.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

5.1.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-9

Pelaksanaan projek di bawah RMKe-9 adalah baik. Sepanjang tempoh 5 tahun, Kerajaan Negeri telah berjaya menyiapkan sebanyak 2,688 projek atau 95.6% daripada 2,811 projek yang dirancang. Projek-projek yang siap dilaksanakan antaranya adalah Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Masjid Sungai Ular, Projek Bekalan Air Besut Peringkat 2 dan Perumahan Awam Kos Rendah Kerteh 2, Kemaman. Manakala sebanyak 89 projek atau 3.2% adalah dalam pelaksanaan dan 36 projek atau 1.6% pula belum dimulakan. Status pelaksanaan projek RMKe-9 bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Status Pelaksanaan Projek RMKe-9

Bil.	Status Projek	Bilangan Projek	Peratus (%)
1.	Projek Telah Siap	2,688	95.6
2.	Projek Sedang Dilaksanakan	89	3.2
3.	Projek Belum Mula	34	1.2
	Jumlah	2,811	100

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

5.2. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan projek di bawah RMKe-9 adalah baik di mana sebanyak 2,688 projek atau 95.6% daripada 2,811 projek yang dirancang telah dapat disiapkan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 sehingga tahun 2010 adalah 76.3% atau RM4.01 bilion daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM5.26 bilion. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Terengganu.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI NEGERI

6. LATAR BELAKANG

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

7.1. Pada tahun 2010, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1.1. Mengeluarkan Pekeliling yang menjelaskan antaranya ialah:

7.1.1.1. Semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan lebih cermat dan berhemat.

7.1.1.2. Semua bil dan tuntutan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil dan tuntutan diterima.

7.1.1.3. Bagi permohonan kelulusan AP58(a), Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan pesanan tempatan bersama-sama borang permohonan kelulusan AP58(a).

7.1.1.4. Bagi perolehan perisian dan perkakasan komputer, Pegawai Pengawal hendaklah merujuk terlebih dahulu kepada Unit Pengurusan Maklumat Negeri.

7.1.1.5. Pegawai Pengawal hendaklah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan laporan lengkap seperti mana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004.

7.1.1.6. Semua Agensi Negeri hendaklah menyediakan Penyata Kewangan Tahun 2009 selewat-lewatnya pada 28 Februari 2010 dan menghantar satu salinan kepada Perbendaharaan Negeri.

7.1.2. Bagi mengurangkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut, pihak Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan dengan membuat potongan terhadap jumlah caruman tahunan kepada Agensi Negeri yang gagal membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.

7.1.3. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri serta semua Pejabat Tanah telah melaksanakan pendaftaran tanah dalam tempoh satu hari. Selain itu, kaedah kutipan hasil bergerak telah dilakukan bagi mengutip hasil tanah dan mengurangkan tunggakan hasil tanah.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pada tahun 2010, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 18 Jabatan/Agensi meliputi 15 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 3 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2010 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2009, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 11 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; Dan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Bagi

Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperempatan yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2007 mengenai Pengurusan Bajet 2007. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran

peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan

pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/ kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan di AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah

dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.

- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan

Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan


Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2010 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2009. Pada tahun 2010, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 12 Jabatan dan 6 Agenzi Negeri. Analisis Audit mendapati sebanyak 2 Agenzi Negeri iaitu Majlis Agama Islam Dan Melayu Terengganu dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu mengekalkan tahap sangat baik sebagaimana tahun 2009. Manakala 16 Jabatan/Agenzi Negeri lagi adalah pada tahap baik seperti di **Carta 8.1**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2007 hingga 2010 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agenzi Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Tahap Penarafan	Jabatan/Agenzi Negeri			
	2007	2008	2009	2010
Sangat Baik	0	0	2	2
Baik	3	9	11	16
Memuaskan	5	4	0	0
Tidak Memuaskan	0	0	0	0
Jumlah	8	13	13	18

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Semakan Audit terhadap 6 elemen kawalan pengurusan kewangan di 11 Jabatan tidak termasuk Pejabat Perbendaharaan Negeri pada tahun 2010 adalah seperti di **Carta 8.2.**

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.2. Analisis Audit mendapati sekurang-kurangnya 2 Jabatan mencapai tahap sangat baik dalam 5 elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Perbelanjaan, Terimaan serta Amanah Dan Deposit. Manakala bagi elemen Kawalan Aset Dan Stor, tidak ada Jabatan yang mencapai tahap sangat baik dan hanya satu Jabatan mencapai tahap baik serta 9 Jabatan berada pada tahap memuaskan. Selain itu, satu Jabatan berada pada tahap tidak memuaskan bagi elemen Kawalan Aset Dan Stor iaitu Pejabat Tanah Kuala Terengganu. Bagi Jabatan yang berada pada tahap memuaskan iaitu 2 Jabatan bagi Kawalan Pengurusan dan 9 Jabatan bagi Kawalan Aset Dan Stor perlu mempertingkatkan pematuhan kepada peraturan kewangan berkaitan.

8.5.2.3. Semakan Audit terhadap 9 elemen kawalan pengurusan kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi Negeri pada tahun 2010 adalah seperti di **Carta 8.3.**

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan
Mengikut Kawalan Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: satu Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pelaburan Dan 3 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pinjaman

8.5.2.4. Analisis Audit mendapati elemen Kawalan Penyata Kewangan adalah pada tahap sangat baik bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua 6 Agensi. Manakala bagi elemen Kawalan Aset Dan Stor, Majlis Daerah Setiu dan Pejabat Perbendaharaan Negeri berada pada tahap tidak memuaskan dan perlu diberi penekanan yang lebih bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aset dan stor. Agensi yang mencapai tahap memuaskan iaitu masing-masing satu Agensi bagi Kawalan Pengurusan dan Amanah Dan Deposit serta 3 Agensi bagi Kawalan Aset Dan Stor perlu dipertingkatkan pematuhan kepada peraturan kewangan berkaitan.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh 2007 hingga 2010, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik telah diperoleh oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu untuk 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2009 dan 2010. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pula memperoleh tahap prestasi baik pada tahun 2010 berbanding tahap memuaskan pada tahun 2007. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memperoleh tahap prestasi pengurusan kewangan baik bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2008 hingga 2010. Antara sebab pejabat ini tidak memperoleh tahap prestasi sangat baik kerana masih wujud kelemahan dalam Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor terutama daripada aspek pengurusan pendaftaran dan penggunaan aset. Selain itu, Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit serta Kawalan Perbelanjaan juga perlu diberi perhatian serius. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 4 Jabatan/Agensi Negeri tersebut bagi tempoh 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tempoh 2007 hingga 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2010 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

8.6.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

8.6.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.6.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam pengurusan kewangan.

8.6.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

8.6.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

9.1. PENDAHULUAN

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 13 Jabatan/Agenzi seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1

Jabatan/Pejabat Yang Dipilih Untuk Pemeriksaan Mengejut Tahun 2010

Bil.	Jabatan/Agenzi
1.	Institut Integriti Negeri Terengganu
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Besut
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Besut
4.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun
5.	Pejabat Agama Daerah Setiu
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Terengganu
7.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Marang
8.	Pejabat Pertanian Daerah Dungun
9.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu
10.	Pejabat Pertanian Daerah Setiu
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
12.	Yayasan Islam Terengganu
13.	Yayasan Terengganu

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.2. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan/ketidakpatuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Pemerhatian Audit Terhadap Pemeriksaan Mengejut Tahun 2010

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Agenzi Yang Terlibat
1.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.	a. Institut Integriti Negeri Terengganu b. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Besut c. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Terengganu d. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Marang e. Yayasan Islam Terengganu
2.	Kutipan hasil tidak direkod ke dalam buku tunai pada hari yang sama.	a. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun b. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu c. Yayasan Terengganu
3.	Kutipan lewat dimasukkan ke bank.	a. Pejabat Pertanian Daerah Dungun b. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun c. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Marang d. Yayasan Islam Terengganu e. Yayasan Terengganu
4.	Baki di buku Panjar Wang Runcit tidak sama dengan baki tunai panjar ditangan.	a. Jabatan Kerja Raya Daerah Besut b. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu c. Yayasan Islam Terengganu
5.	Buku Panjar Wang Runcit tidak kemaskini di mana bil-bil belum direkodkan.	a. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun b. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Marang c. Yayasan Islam Terengganu
6.	Daftar Setem tidak diselenggarakan.	a. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Terengganu b. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Marang
7.	Cek yang diterima ada direkodkan dalam Daftar Surat Masuk tetapi nombor resit tidak dicatat dan tidak ada bukti daftar tersebut disemak oleh pegawai penyelia.	Yayasan Terengganu
8.	Wang untuk dibahagi-bahagikan disimpan lebih daripada 21 hari.	Yayasan Islam Terengganu
9.	Buku rekod pergerakan kad inden minyak tidak diselenggarakan dan kad inden dipegang oleh pemandu setiap masa.	Pejabat Agama Daerah Setiu

Sumber: Jabatan Audit Negara



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan yang dijalankan adalah untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri sama ada penyata kewangan tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Seksyen 5(c), Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 8 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 7 Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Mengikut Seksyen 7(3), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, Firma Audit Swasta telah dilantik bagi menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 8 Badan Berkanun Negeri dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala pengauditan terhadap Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan satu Pihak Berkuasa Tempatan dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri. Pemantauan terhadap Firma Audit Swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri, Badan Berkanun berkenaan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki penyata kewangan disediakan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh tahun kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Prestasi penyerahan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu untuk diaudit adalah baik. Semua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2009 untuk diaudit mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Manakala 15 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diserah untuk pengauditan setakat 31 Mei 2011 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan
Agensi Negeri Sehingga 31 Mei 2011

Bil.	Agensi	Tahun Penyata Kewangan		
		Disahkan	Sedang Diaudit	Belum Terima
Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam				
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2009	2010	-
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	2009	2010	-
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	2009	2010	-
4.	Yayasan Terengganu	2009	2010	-
5.	Yayasan Islam Terengganu	2009	2010	-
6.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	2009	-	2010
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2009	2010	-
8.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	2009	2010	-
9.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2009	2010	-
Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	2009	2010	-
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	2009	2010	-
3.	Majlis Perbandaran Dungun	2009	2010	-
4.	Majlis Daerah Setiu	2009	2010	-
5.	Majlis Daerah Besut	2009	2010	-
6.	Majlis Daerah Marang	2009	2010	-
7.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	2009	2010	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

10.3.1. Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian. Kedudukan persijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Persijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun Kewangan 2008 Dan 2009

Bil.	Agensi	Jenis Sijil (Tahun Kewangan)	
		2008	2009
Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam			
1.	Yayasan Islam Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Yayasan Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Majlis Daerah Besut	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	Berteguran	Tanpa Teguran

Bil.	Agensi	Jenis Sijil (Tahun Kewangan)	
		2008	2009
4.	Majlis Daerah Marang	Berteguran	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Setiu	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Majlis Perbandaran Dungun	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Perbandaran Kemaman	Tanpa Teguran	Tanpa teguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3.2. Analisis Audit menunjukkan penyata kewangan semua Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2009 telah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran berbanding 2 Sijil Audit Berteguran yang diberikan kepada penyata kewangan Majlis Daerah Hulu Terengganu dan Majlis Daerah Marang bagi tahun kewangan 2008.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan April 2011, semua penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kedudukan pembentangan penyata kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Sehingga 31 Mei 2011

Bil.	Agensi	Tahun Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Penyata Kewangan Belum Dibentangkan
Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam			
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2009	-
2.	Yayasan Terengganu	2009	-
3.	Yayasan Islam Terengganu	2009	-
4.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	2009	-
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	2009	-
6.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2009	-
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	2009	-
8.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2009	-
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	2009	-
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	2009	-
3.	Majlis Perbandaran Dungun	2009	-
4.	Majlis Daerah Setiu	2009	-
5.	Majlis Daerah Besut	2009	-
6.	Majlis Daerah Marang	2009	-
7.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	2009	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam

10.5.1.1. Analisis terhadap Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009 mendapati 8 agensi telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.33 juta hingga RM49.61 juta. Yayasan Terengganu telah mencatatkan lebihan pendapatan paling tinggi iaitu RM49.61 juta hasil daripada caruman, geran, kenaikan nilai saham dan keuntungan atas pengambilalihan oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.. Manakala Yayasan Islam Terengganu pula mengalami defisit di mana perbelanjaan melebihi pendapatan sejumlah RM3.76 juta antaranya disebabkan pengurangan Terimaan Kerajaan Negeri dan Persekutuan berjumlah RM2.45 juta dan peningkatan perbelanjaan ke atas Perkhidmatan Dan Bekalan berjumlah RM3.85 juta berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2009 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	125.46	123.09	2.37	534.49	17.04	517.45
2.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	96.77	63.43	33.34	174.83	2.27	172.56
3.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	84.90	54.60	30.30	427.57	312.05	115.52
4.	Yayasan Terengganu	119.75	70.14	49.61	66.24	19.45	46.79
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	9.94	7.42	2.52	8.93	0.25	8.68
6.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	14.08	9.98	4.10	6.82	0.64	6.18
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	30.73	30.40	0.33	18.56	13.96	4.60
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu	13.98	11.68	2.31	0.64	0.71	(0.07)
9.	Yayasan Islam Terengganu	45.99	49.75	(3.76)	30.05	62.00	(31.95)

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.2. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2009 mendapati 7 Agensi Negeri berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM4.60 juta hingga RM517.45 juta. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu mencatat aset semasa bersih paling tinggi di mana aset semasa berjumlah RM534.49 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM17.04 juta. Antara Aset Semasa yang besar dimiliki adalah Simpanan Tetap yang berjumlah RM164 juta berbanding RM92 juta pada tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM72 juta.

Sementara itu, 2 agensi mengalami tanggungan semasa bersih iaitu Yayasan Islam Terengganu dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu masing-masing berjumlah RM31.95 juta dan RM0.07 juta.

10.5.2. Analisis Kedudukan Kewangan Pihak Berkusa Tempatan

Analisis terhadap Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009 mendapati 5 Pihak Berkusa Tempatan telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.99 juta hingga RM20.58 juta. Manakala 2 Majlis mengalami defisit di mana perbelanjaan melebihi pendapatan antara RM0.34 juta dan RM1.43 juta. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi iaitu RM20.58 juta disebabkan peningkatan terimaan daripada Kerajaan Negeri. Manakala Majlis Perbandaran Dungun pula mengalami defisit paling tinggi iaitu berjumlah RM1.43 juta yang disebabkan antaranya pengurangan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan sejumlah RM1.58 juta. Analisis terhadap Lembaran Imbangan menunjukkan 6 Pihak Berkusa Tempatan berada dalam kedudukan kewangan yang stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa melainkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Aset semasa Majlis Bandaraya Kuala Terengganu berjumlah RM58.49 juta kurang daripada jumlah liabiliti semasa RM59.04 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Pihak Berkusa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Prestasi Kewangan Pihak Berkusa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Dungun	19.12	20.55	(1.43)	59.06	2.77	56.29
2.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	14.50	9.19	5.31	36.78	1.81	34.97
3.	Majlis Perbandaran Kemaman	50.47	45.77	4.70	51.34	31.38	19.96
4.	Majlis Daerah Besut	14.16	10.14	4.02	21.99	3.17	18.82
5.	Majlis Daerah Marang	8.64	8.98	(0.34)	10.96	5.07	5.89
6.	Majlis Daerah Setiu	14.56	13.57	0.99	4.68	0.98	3.70
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	79.74	59.16	20.58	58.49	59.04	(0.55)

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkusa Tempatan

10.5.3. Tunggakan Cukai Taksiran


Cukai Taksiran adalah merupakan penyumbang utama hasil kepada pendapatan Pihak Berkusa Tempatan. Pada tahun 2009, Majlis Perbandaran Kemaman menunjukkan penurunan tertinggi jumlah tunggakan Cukai Taksiran berbanding tahun 2008 iaitu sejumlah RM3.46 juta. Manakala 4 Pihak Berkusa Tempatan mencatat peningkatan jumlah tunggakan Cukai Taksiran dengan Majlis Daerah Hulu Terengganu mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM5.39 juta. Ini disebabkan terdapat kes undang-undang dengan penghutang cukai taksiran. Kedudukan tunggakan Cukai Taksiran bagi tahun 2009 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 10.6** manakala tunggakan cukai bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 10.1**.

Jadual 10.6
Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tempoh Tahun 2009 Dan 2008

Bil.	Agensi	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Dungun	57.90	56.24	(1.66)	(2.9)
2.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	23.09	28.48	5.39	23.3
3.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	18.15	20.02	1.87	10.3
4.	Majlis Perbandaran Kemaman	9.19	5.73	(3.46)	(37.6)
5.	Majlis Daerah Besut	2.05	2.14	0.09	4.4
6.	Majlis Daerah Marang	1.02	1.11	0.09	8.8
7.	Majlis Daerah Setiu	0.47	0.43	(0.04)	(8.5)
Jumlah		111.87	114.15	2.28	2.0

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Carta 10.1
Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik. Sebanyak 15 daripada 16 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan pengauditan sedang dijalankan. Sehingga 31 Mei 2011, kesemua 16 Agensi telah diberikan Sijil Tanpa Teguran bagi penyata kewangan tahun 2009. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik. Sebanyak 8 daripada 9 Badan Berkanun Negeri dan 5 daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatatkan lebihan pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Bagaimanapun, tunggakan Cukai Taksiran bagi 4 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan. Bagi penambahbaikan, Agensi Negeri adalah disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

10.6.1. Mematuhi piawaian dan garis panduan perakaunan yang dikeluarkan.

10.6.2. Dokumen sokongan hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini bagi menyokong angka dalam penyata kewangan.

10.6.3. Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.

10.6.4. PBT perlu mengambil tindakan yang lebih tegas bagi mengurangkan tunggakan Cukai Taksiran yang semakin meningkat seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN VI
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu bagi tahun 2009 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 13 Disember 2010.

12. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2007. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali pada tahun 2010 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu Tahun 2007 dan 2008. Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan yang teliti terhadap isu berkaitan Program Atap Biru dan Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Terengganu Sepanjang Tahun 2010

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	8.2.2010	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007.
2.	19.4. 2010	a. Penjelasan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri mengenai kajian Audit terhadap Program Atap Biru. b. Penjelasan oleh wakil Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) mengenai isu laporan Audit berkaitan Pengurusan Pengkorporatan Bekalan Air Dan Deposit Bekalan Air. c. Penjelasan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu.
3.	17.5.2010	Mesyuarat <i>pre council</i> untuk membincangkan mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Bagaimanapun mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan tidak diterima oleh Jawatankuasa untuk perbincangan.
4.	25.5.2010	Mesyuarat bagi membincangkan mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan baru diterima oleh Jawatankuasa dan Pengerusi memberi masa kepada Ahli Mesyuarat untuk meneliti laporan tersebut terlebih dahulu sebelum membincangkannya.
5.	5.7.2010	Perbincangan dan penjelasan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah.
6.	9.12.2010	a. Rumusan terhadap Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah b. Pembentangan dan perbincangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Terengganu Tahun 2008.

Sumber: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Terengganu



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2010 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2009 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
6 Jun 2011



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2010; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia.

Putrajaya
6 Jun 2011



Lampiran II

Lembaran Imbangan

seperti pada 31 Disember 2010

Penyata	Nota	2010	2009
		RM	RM
WANG AWAM			
A WANGTUNAI		73,661,070.82	240,449,470.28
B PELABURAN		0.00	0.00
		<hr/> 73,661,070.82	<hr/> 240,449,470.28
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN		(496,275,135.71)	(699,010,087.44)
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN		569,936,206.53	939,459,557.72
		<hr/> 73,661,070.82	<hr/> 240,449,470.28

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

DATO' HJ. ABDUL RAZAK BIN ISMAIL
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
TERENGGANU DARUL IMAN
10 FEB 2011

WAHAB BIN TASLIM
BENDAHARI NEGERI
TERENGGANU DARUL IMAN
10 FEB 2011


Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

TERENGGANU

	2010 (RM)	2009 (RM)
TERIMAAN		
BASIL		
Hasil Cukai	46,866,471.49	43,011,664.21
Hasil Bukan Cukai	107,484,329.59	133,874,650.63
Terimaan Bukan Hasil	1,738,606,477.51	1,334,131,784.57
	1,892,957,278.59	1,511,018,099.41
PINJAMAN		
Pinjaman Dalam Negeri	46,501,979.00	46,629,982.00
	46,501,979.00	46,629,982.00
TERIMAAN MODAL		
Pelbagai Terimaan Modal	34,137,118.10	8,716,594.82
Jualan Instrumen Kewangan	0.00	6,000,000.00
	34,137,118.10	14,716,594.82
TERIMAAN LAIN		
Terimaan Amanah	127,275,605.26	79,776,066.39
	127,275,605.26	79,776,066.39
JUMLAH TERIMAAN	2,100,871,980.95	1,652,140,742.62
BAYARAN		
PERBELANJAAN MENGURUS		
Emolumen	(203,808,939.76)	(192,592,254.30)
Perkhidmatan Dan Bekalan	(156,058,505.76)	(149,589,024.36)
Aset	(35,750,811.95)	(38,225,144.63)
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(763,920,897.63)	(696,203,319.17)
Perbelanjaan Lain	(444,110.31)	(332,503.04)
	(1,159,983,265.41)	(1,076,942,245.50)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
Langsung	(1,040,424,898.77)	(678,173,023.86)
Pinjaman	0.00	0.00
	(1,040,424,898.77)	(678,173,023.86)
PERBELANJAAN MODAL		
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00	0.00
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00	0.00
	0.00	0.00
BAYARAN BALIK PINJAMAN		
Pinjaman Dalam Negeri	(20,750,237.23)	(8,598,229.31)
Pinjaman Kepada Agensi	(46,501,979.00)	(46,629,982.00)
	(67,252,216.23)	(55,228,211.31)
BAYARAN LAIN		
Bayaran Amanah	0.00	0.00
	0.00	0.00
JUMLAH BAYARAN	(2,267,660,380.41)	(1,810,343,480.67)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai	(166,788,399.46)	(158,202,738.05)
Wangtunai Pada, 31 Disember 2009	240,449,470.28	398,652,208.33
Wangtunai Pada, 31 Disember 2010	73,661,070.82	240,449,470.28


DATO' HJ. ABU BAKAR RAZAK BIN ISMAIL
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
 TERENGGANU DARUL IMAN
 10 FEB 2011


WAHAB BINT TASLIM
 BENDAHARI NEGERI
 TERENGGANU DARUL IMAN
 10 FEB 2011

Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember, 2010

	<u>Nota</u>	<u>2010</u>	<u>2009</u>
		Rm	Rm
ASET			
F1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	19	283,575,077.46	328,015,195.56
F2 PELABURAN	20	60,082,584.00	35,500,002.00
F3 TUNGGAKAN BASIL	21	89,583,812.18	92,035,332.46
TANGGUNGAN			
G HUTANG AWAM	22	1,032,729,884.24	1,005,962,725.70

Penyata Akaun Memorandum ini berdasarkan di世家 bersama dengan penyata dan nota yang disampaikan



DATO' HJ ABDUL RAZAK BIN ISMAIL
Pengerusi Kewangan Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2011



WAHAB BIN TASLIMI
Bendahari Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2011

C Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti tahun berakhir 31 Disember 2010

Perihal	2010			2009		
	Belanjawan		Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan	
BAKI PADA 1 JANUARI		(699,010,087.44)		(424,963,971.08)		
I HASIL						
Hasil Cukai	1,673,384,670.00	46,866,471.49	2.80	43,011,664.21	2.73	
Hasil Bukan Cukai	102,377,380.00	107,484,329.59	104.99	133,874,650.63	120.46	
Terimaan Bukan Hasil	106,165,210.00	1,738,606,477.51	1637.64	1,334,131,784.57	1190.07	
Jumlah Hasil	1,881,927,260.00	1,892,957,278.59	100.59	1,511,018,099.41	83.95	
II PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	217,059,566.63	203,363,552.99	93.69	192,192,094.98	85.05	
Perkhidmatan Dan Bekalan	182,252,150.34	155,992,716.75	85.59	149,512,924.64	89.16	
Aset	40,611,001.60	35,750,811.95	88.03	38,225,144.63	85.50	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,504,025,271.43	1,294,671,134.86	86.08	1,404,801,548.48	97.50	
Perbelanjaan Lain	1,160,010.00	444,110.31	38.29	332,503.04	28.66	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	1,945,108,000.00	1,690,222,326.86	86.90	1,785,064,215.77	94.93	
Lebihan /(Defisit) Bagi Tahun (I - II)	(63,180,740.00)	202,734,951.73		(274,046,116.36)		
BAKI PADA 31 DISEMBER		(496,275,135.71)		(699,010,087.44)		

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

Nota Kepada Akaun Awam

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

1. Kerajaan Negeri Terengganu Sebagai Entiti Perakaunan

Sebagai Entiti Perakaunan, Kerajaan Negeri Terengganu adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

2. Kumpulanwang Negeri Disatukan

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Negeri Disatukan iaitu:-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini.
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang dibuat kepada Badan-Badan Berkanun Negeri termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri serta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri; dan
- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan.

3. Akaun Memorandum

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Negeri Disatukan, tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset (F) seperti pinjaman boleh dituntut (Penyata F1), pelaburan (Penyata F2), tunggakan hasil (Penyata F3) dan penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti hutang awam (Penyata G).

4. Konsep Asas

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

Nota Kepada Akaun Awam**bagi tahun berakhir 31 Disember 2010***(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya)*

-
- a) Segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima; kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Negeri Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
 - b) Tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

5. Dasar Perakaunan

Dasar perakaunan yang digunakan untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran adalah mengikut Asas Tunai Diubahsuai. Asas ini membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari (Akaun Kena Bayar) bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun ini.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Aset dan Tanggungan

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terbaru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh dituntut (Penyata F1), pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus (Penyata F2) dan penyata tunggakan hasil (Penyata F3) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum. Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Walau bagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

ASET**8. Wangtunai dan Pelaburan**

- a) Wangtunai (Penyata A) adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.

Nota Kepada Akaun Awam**bagi tahun berakhir 31 Disember 2010***(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya)*

-
- b) Pelaburan (Penyata B) adalah pelaburan dalam Simpanan Al-Mudharabah bagi tempoh pelaburan 3 bulan dan ke atas.

AKAUN HASIL DISATUKAN**9. Hasil**

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima. Perbelanjaan yang dilibatkan untuk mendapatkan hasil dan bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak dimasuk akaunkan.

10. Perbelanjaan

Semua kenaan kepada peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diintukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

11. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Negeri Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganturugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

Nota Kepada Akaun Awam**bagi tahun berakhir 31 Disember 2010***(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya)***AKAUN PINJAMAN DISATUKAN****12. Akaun Pinjaman**

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

AKAUN AMANAH YANG DISATUKAN**13. Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

14. Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E1a) Terimaan Kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pemberian Persekutuan (Geran), terimaan bayaran balik pokok pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, pemberian imbuhanbalik projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

15. Kumpulanwang Bekalan Air

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980. Terimaan kumpulanwang ini terdiri daripada caruman dari Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman.

Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam (Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980 termasuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Nota Kepada Akaun Awam**bagi tahun berakhir 31 Disember 2010***(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya)***16. Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

17. Deposit

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI**18. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan juga terimaan-terimaan lain. Bayaran wangtunai pula terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus, pembangunan, bekalan air dan bayaran-bayaran lain.

AKAUN MEMORANDUM**19. Pinjaman Boleh Dituntut**

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber negeri dan sumber Persekutuan (Penyata F1).

20. Pelaburan

Pelaburan yang tehak dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum (Penyata F2). Pelaburan yang ditunjukkan dalam Penyata F2 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) yang berkaitan iaitu PPK2, PPK6 dan PPK8.

Pada 1 Mac 2007, Perbadanan Menteri Besar Terengganu (MB Inc) telah menandatangani Perjanjian Penyusunan Semula Organisasi (*Reorganisation Exercise Agreement*) dengan Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc). Proses penyusunan semula organisasi ini melibatkan pindahmilik saham-saham syarikat berkaitan dari MB Inc kepada Terengganu Inc yang telah dilaksanakan dalam tahun 2007.

Nota Kepada Akaun Awam

bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

21. Tunggakan Hasil

Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir Tahun Kewangan 2010 (Penyata F3)

22. Hutang Awam

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri (Penyata G1).

